



28 Jun 2024
28 June 2024
P.U. (A) 181

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKERJA (AMAUN FAEDAH PENGURUSAN MAYAT)
(PINDAAN) (NO. 2) 2024

*EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (AMOUNT OF FUNERAL
BENEFIT) (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA
(AMAUN FAEDAH PENGURUSAN MAYAT) (PINDAAN) (NO. 2) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 105 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Amaun Faedah Pengurusan Mayat) (Pindaan) (No. 2) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2024.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Amaun Faedah Pengurusan Mayat) 2017 [*P.U. (A) 141/2017*] dipinda dalam peraturan 2—

(a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Walau apa pun subperaturan (1), dalam hal kematian pekerja asing—

(a) akibat suatu bencana kerja atau dalam masa dia masih menerima faedah hilang upaya di bawah Akta, Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi kematian pekerja asing itu jika kematian itu berlaku pada atau selepas 1 Januari 2019;

(b) yang mengidap keilatan mati dalam masa dia masih menerima pencen ilat atau yang belum mencapai umur enam puluh tahun tetapi telah genap bekerja sepanjang tempoh kelayakan atau tempoh kelayakan yang dikurangkan sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 29(3) dan (4) Akta, Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi kematian pekerja asing itu jika kematian itu berlaku pada atau selepas 1 Julai 2024.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Bagi maksud subperaturan (2), “pekerja asing” tidak termasuk—

(a) orang bukan warganegara yang bermastautin secara tetap di Malaysia dan yang dikeluarkan dengan kad pengenalan sebagaimana yang diperihalkan di bawah perenggan 5(3)(b) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 [P.U. (A) 472/1990];

(b) orang yang—

(i) memasuki Malaysia secara sah melalui suatu pas atau permit imigresen yang sah;

(ii) dibenarkan menetap di Malaysia bagi tempoh dua belas bulan dan ke atas; dan

(iii) dikeluarkan dengan kad pengenalan sebagaimana yang diperihalkan di bawah perenggan 5(3)(c) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990; dan

- (c) orang yang dilahirkan di Malaysia tetapi taraf kewarganegaraannya tidak dapat ditentukan, dan yang dikeluarkan dengan kad pengenalan sebagaimana yang diperihalkan di bawah perenggan 5(3)(c) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.”.

Dibuat 28 Jun 2024

[KSM/PUU(S)600-1/2/11/6 Jld.3(9); PN(PU2)58/JLD.24]

SIM CHEE KONG
Menteri Sumber Manusia

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY ACT 1969

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (AMOUNT OF FUNERAL BENEFIT)
(AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 105 of the Employees' Social Security Act 1969 [Act 4], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Employees' Social Security (Amount of Funeral Benefit) (Amendment) (No. 2) Regulations 2024**.

(2) These Regulations come into operation on 1 July 2024.

Amendment of regulation 2

2. The Employees' Social Security (Amount of Funeral Benefit) Regulations 2017 [P.U. (A) 141/2017] are amended in regulation 2—

(a) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) Notwithstanding subregulation (1), in the case of death of a foreign worker—

(a) as a result of an employment injury or while he is in receipt of disablement benefit under the Act, these Regulations shall apply to the death of such foreign worker where the death occurs on or after 1 January 2019;

(b) suffering from invalidity dies while in receipt of invalidity pension or who has not attained sixty years of age but has completed a full or reduced qualifying period as specified in subsection 29(3) or (4) of

the Act, these Regulations shall apply to the death of such foreign worker where the death occurs on or after 1 July 2024.”; and

(b) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) For the purposes of subregulation (2), “foreign worker” does not include—

(a) a non-citizen who is residing permanently in Malaysia and issued with an identity card as described under paragraph 5(3)(b) of the National Registration Regulations 1990 [P.U. (A) 472/1990];

(b) a person who—

(i) lawfully enters Malaysia under a valid immigration pass or permit;

(ii) is allowed to reside in Malaysia for a period of twelve months and above; and

(iii) is issued with an identity card as described under paragraph 5(3)(c) of the National Registration Regulations 1990; and

(c) a person who is born in Malaysia but whose citizenship status cannot be determined, and issued with an identity card as described under paragraph 5(3)(c) of the National Registration Regulations 1990.”.

Made 28 June 2024
[KSM/PUU(S)600-1/2/11/6 Jld.3(9); PN(PU2)58/JLD.24]

SIM CHEE KONG
Minister of Human Resources